

Headline	Isteri Perdana Menteri ziarah Muhammad Firdaus		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	2	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	247 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,167
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,500



## Isteri Perdana Menteri ziarah Muhammad Firdaus

SEREMBAN - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor menziarahi remaja orang kurang upaya, Muhammad Firdaus Dullah, 15, yang dijumpai dalam keadaan terabai di Flat Taman Semarak, Nilai baru-baru ini di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS) di sini semalam.

Ketibaan Rosmah disambut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan timbalannya, Datin Paduka Chew Mei Fun, isteri Menteri Besar Negeri Sembilan, Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumudin dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Datuk Dr. Zailan Adnan.

Rosmah berada kira-kira setengah jam di HTJS untuk beramah mesra dan bertanyakan perkembangan remaja itu selain menghadahi sepasang baju Melayu biru, songkok serta hamper buah-buahan kepada Muhammad Firdaus.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Rosmah berkata, beliau

dimaklumkan oleh Pengarah HTJS Datuk Dr. Jaafar Che Mat bahawa Muhammad Firdaus telah pun makan dan tidur dengan baik manakala berat badannya meningkat 2.3 kilogram.

"Insya-Allah, dia akan dibenarkan keluar dari hospital hujung minggu ini atau minggu depan. Dia akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan," katanya.

Rosmah, yang juga Pengerusi Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) turut menyampaikan sumbangan RM1,000 daripada Bakti dan sumbangan peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebanyak RM1,000, yang akan dimasukkan ke dalam akaun Tabung Haji remaja berkenaan.

Beliau berkata, mereka yang ingin menyumbang kepada remaja itu boleh berbuat demikian menerusi akaun Tabung Haji Muhammad Firdaus bernombor

010602000453616 yang dibuka untuk mengurus sumbangan yang diterima Muhammad Firdaus bagi keperluan masa depannya.

Sementara itu, Dr. Zailan berkata, Muhammad Firdaus telah sembuh dengan baik dan berat badannya meningkat sejak dimasukkan ke HTJS.

"Kita juga sedang memulihkan keadaan 'electrolytes' dalam badannya dan apabila telah kembali normal dia mungkin dibenarkan keluar hospital seawal-awal Jumaat ini atau besar kemungkinan minggu depan," katanya.



KERATAN Kosmo! 22 Jun 2014.



ROSMAH (tengah) menyampaikan Buku Simpanan Tabung Haji bernilai RM11,101 kepada Muhammad Firdaus di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban semalam.